

## KEMUDAHAN OVERDRAF BERKAGARKAN UNIT AMANAH HONG LEONG – PROMOSI SUPREME ZERO

Dikemaskini pada 24 June 2019

### TEMPOH PROMOSI

Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“**HLB**”) melancarkan “Kemudahan Overdraf Berkagarkan Unit Amanah Hong Leong – Promosi Supreme Zero” (“**Promosi**”) bermula pada **24 Jun 2019** dan berakhir pada **30 September 2019**, termasuk kedua-dua tarikh melainkan diberitahu sebaliknya (“**Tempoh Promosi**”).

### TERMA & SYARAT

Terma dan syarat Promosi adalah seperti yang berikut:-

### KELAYAKAN

1. Promosi terbuka untuk penyertaan oleh seluruh warga Malaysia dan warga bukan Malaysia yang menetap di Malaysia (“**Pelanggan**”) yang merupakan Pelanggan Perbankan Prioriti/ Persendirian HLB yang baharu atau sedia ada dengan kriteria berikut:-
  - a. Berumur antara 21 dan 65 tahun; dan
  - b. Permohonan baharu untuk Kemudahan Overdraf Berkagarkan Unit Amanah (“**Kemudahan**”) semasa Tempoh Promosi dengan saiz pinjaman minima sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu [RM100,000] (“**Pelanggan ODUT**”).
2. Yang berikut ini **TIDAK** layak menyertai Promosi ini:
  - i. Pelanggan bukan individu merujuk kepada persatuan, empunya tunggal, perkongsian, perkongsian liabiliti terhad dan syarikat sendirian berhad yang merupakan PKS mikro jenis bukan pembuatan.
  - ii. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB/Hong Leong Islamic Bank Berhad (“**HLISB**”) atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi.
  - iii. Pelanggan yang telah melakukan, atau ditentukan oleh HLB/HLISB berpotensi melakukan kesalahan yang dinyatakan di dalam ini.
  - iv. Kakitangan tetap dan kontrak HLB/HLISB.

### MEKANIK PROMOSI

3. Pelanggan ODUT yang memenuhi kriteria dalam Klausa 4 Terma & Syarat ini (“**Pelanggan Layak**”) berhak untuk Promosi seperti di bawah:-
  - i. Kadar faedah Kemudahan sebanyak 0% setahun untuk enam (6) bulan pertama (“**Kadar Promosi**”); dan
  - ii. Selepas itu, dari bulan ketujuh (ke-7) dan selanjutnya, kadar faedah akan dikenakan pada Kadar Asas (BR) + 0.47% setahun (“**Harga Tetap**”).
  - iii. Kadar faedah efektif adalah 2.18% setahun bagi tahun pertama.
  - iv. Kadar faedah efektif untuk tahun kedua (ke-2) dan selanjutnya akan berdasarkan purata Harga Tetap yang dikenakan.

Kadar Promosi akan bermula dari tarikh penerimaan Kemudahan (“**Tarikh Penerimaan Kemudahan**”) bukannya tarikh Pelanggan ODUT membuka akaun untuk Kemudahan tersebut (“**Tarikh Pengaktifan Kemudahan**”), iaitu Pelanggan Layak tidak berhak untuk Kadar Promosi sekiranya Pelanggan Layak hanya mengaktifkan Kemudahan 6 bulan selepas Tarikh Penerimaan Kemudahan. Untuk mengelakkan keraguan, Tarikh Penerimaan Kemudahan mestilah pada atau sebelum tarikh yang ditetapkan dalam Klausa 4 (ii) di bawah supaya Pelanggan Layak dapat menikmati Kadar Promosi.

4. Untuk menyertai Promosi ini, Pelanggan ODUT dikehendaki melaksanakan dan memenuhi syarat/kriteria yang ditetapkan seperti di bawah:-

- i Memohon Kemudahan dalam Tempoh Promosi di mana-mana cawangan Perbankan Proriti/Persendirian HLB dan menyediakan semua dokumen berkenaan yang dikehendaki oleh HLB supaya HLB dapat meluluskan Kemudahan itu tepat pada masanya.
- ii Tarikh Penerimaan Kemudahan tidak boleh lewat dari 31 Oktober 2019, iaitu Pelanggan ODUT mesti menerima Kemudahan pada atau sebelum 31 Oktober 2019; dan
- iii menjelaskan segala caj berkenaan yang dikenakan bagi pembukaan Kemudahan (termasuk tetapi tidak terhad kepada pembayaran duti setem dan fi guaman bagi Perjanjian Kemudahan dan dokumen-dokumen berkenaan yang lain) dengan segera selepas Tarikh Penerimaan Kemudahan. Pelanggan ODUT tidak layak untuk Promosi sekiranya Pelanggan ODUT gagal menjelaskan caj ini dalam tempoh masa sebagaimana yang ditetapkan oleh HLB atas apa jua alasan.

HLB tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian secara langsung, tidak langsung, khas atau akibat termasuk sebarang kehilangan profit, kehilangan perniagaan atau kehilangan reputasi sekiranya Pelanggan Layak tidak berhak untuk Promosi ini atas apa jua sebab.

#### **UMUM**

5. Promosi ini TIDAK sah digunakan bersama-sama promosi lain yang berkaitan dengan Kemudahan Overdarf Bercagarkan Unit Amanah yang sedang dilangsungkan atau ditawarkan oleh HLB dari semasa ke semasa.
6. Dengan menyertai Promosi, Pelanggan bersetuju:-
  - i. telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat yang tertakluk dalam Promosi ini;
  - ii. melayari laman web HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) ("**Laman Web HLB**") dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikut sebarang perubahan atau pindaan kepada Syarat & Terma peraduan;
  - iii. semua rekod transaksi yang dirakamkan oleh sistem HLB untuk Promosi adalah tepat dan muktamad;
  - iv. bahawa semua keputusan HLB yang berkaitan dengan Promosi, termasuk kelayakan Pelanggan untuk menyertai Promosi dan kelulusan Kemudahan tersebut adalah muktamad ke atas semua Pelanggan dan sebarang surat-menyurat dan/ atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLB tidak akan dilayani;
  - v. dengan permohonan Kemudahan adalah tertakluk kepada penilaian kredit dan kelulusan bagi pihak HLB.
7. HLB berhak:
  - i. menolak permohonan Kemudahan tanpa memberitahu alasan;
  - ii. melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Promosi atas apa jua sebab sekalipun yang dianggap sesuai oleh HLB atas budi bicara mutlaknyanya;
  - iii. menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, dengan memberi notis awal atas budi bicara HLB dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB.
8. Semua Terma dan Syarat, peraturan-peraturan sedia ada yang tertakluk pada Kemudahan harus dipatuhi.
9. Pelanggan bertanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai, bayaran kerajaan atau caj- caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Promosi.

10. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan di antara Terma dan Syarat di sini berbanding dengan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Promosi, maka Terma dan Syarat muktamad dalam Laman Web HLB pada tarikh terkini hendaklah diutamakan.
11. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa mahkamah-mahkamah Malaysia.
12. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk lebih daripada seorang dan begitu juga sebaliknya.